

UNTUK SIARAN SEGERA
KENYATAAN MEDIA



**LANGKAH PROAKTIF UDA MENANGANI PENULARAN JANGKITAN
COVID-19**

Kuala Lumpur, 3 Mac 2020 - Lanjutan daripada kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh UDA Holdings Berhad (UDA) semalam, UDA ingin memaklumkan perkembangan terkini berkenaan jangkitan wabak coronavirus (Covid-19) di UDA.

Untuk makluman, UDA telah mengambil langkah proaktif dengan melakukan pembersihan (sanitize) Ibu Pejabat UDA di Blok Menara, Kompleks Pertama awal petang semalam di mana semua kakitangan di Ibu Pejabat telah dibenarkan untuk pulang awal bagi memudahkan urusan pembersihan (sanitize) tersebut.

UDA sentiasa komited melaksanakan langkah-langkah perlu mengikut saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengelakkan penularan wabak ini khususnya di Ibu Pejabat UDA. Dalam mempertingkatkan kawalan keselamatan dan tahap kesihatan, UDA telah menghadkan aliran keluar masuk orang luar ke ibu pejabat. Selain itu, UDA turut menjalankan saringan kesihatan dan pemeriksaan suhu di lobi Ibu Pejabat. Pelawat dan kakitangan turut disediakan dengan penutup muka dan hidung (mask) dan pembasmi kuman tangan (hand sanitizer) sebagai langkah berjaga-berjaga.

Antara inisiatif lain yang turut diambil oleh UDA bagi menjaga kebajikan kakitangan dan membendung kes ini, semua kakitangan UDA di Ibu Pejabat bekerja dari rumah bermula hari ini sehingga diberitahu kelak.

TAMAT

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- **Radziah Mohamed Fadzil** | radziah@udanet.com | +6017 337 7630
- **Latifah Osman (Lat)** | lat@udanet.com | +6012 291 5427

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
UDA Holdings Berhad
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855